

Headline	Denai FRIM ditutup		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	21 Oct 2015	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	42	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	102 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,018
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,055



## Denai FRIM ditutup

**Kuala Lumpur:** Orang ramai tidak lagi dibenarkan melakukan aktiviti riadah dan rekreasi di Denai Rover, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) berikutan ia kini ditutup atas faktor keselamatan selain tujuan pemulihan.

Ketua Pengarah FRIM Abd Latif Mohmod berkata, penutupan itu juga dilakukan selepas mengambil kira masalah hakisan di Denai Rover dan Titian Silara yang terletak dalam kawasan Hutan Simpan Bukit Lagong yang juga kawasan tadahan air dibekalkan kepada penduduk di sekitar Ulu Kepong.

Katanya, hakisan berlaku disebabkan kehadiran pengunjung meningkat begitu mendadak sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

“Apabila laluan lama ke Titian Silara ditutup akibat hakisan, kita dapati masih ada pengunjung mencero-boh masuk dan ada dalam kalangan mereka membuat laluan haram untuk naik ke puncak bukit berkenaan.

“Dengan peningkatan jumlah pengunjung meng-



**ABD Latif**

gunakan Denai Rover dan memasuki laluan haram tanpa menghiraukan papan tanda diletakkan FRIM, keadaan hakisan tanah semakin teruk dan laluan ini menjadi saluran air ketika hujan lebat,” katanya.

Katanya, beliau bertegas bahawa semua pengunjung tidak dibenarkan masuk ke kawasan berbahaya itu dan ia perlu ditutup untuk pemulihan secara semula jadi.

“FRIM perlu membuat pemeriksaan kerosakan dan penilaian keselamatan kawasan terbabit serta melaksanakan kerja pembaikan apabila cuaca lebih baik nanti,” katanya.